

22 JUN 1996
Asahan-Keputusan
BN MENANG PILIHAN RAYA KECIL BUKIT ASAHAN

JASIN, 22 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mempertahankan kerusi kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Asahan apabila calonnya R. Raghavan memenangi pilihan raya kecil hari ini.

BN memenangi kerusi itu dengan majoriti undi 3,518.

Pengerusi MIC negeri, Raghavan, 55 mendapat sebanyak 4,777 undi menewaskan calon PAS, Minghat Mamut, 51 yang menerima 1,259 undi dan calon DAP, Loh Ah Boo, 38 sebanyak 1,027 undi.

Pengurus pilihan raya Mohd Tuslin Kasimon mengumumkan keputusan itu di pusat penjumlahan undi di Dewan Hang Kasturi, Selandar pada kira-kira 8.55 malam.

Peratus pengundi yang keluar mengundi ialah 63.92 peratus manakala undi rosak sebanyak 88 undi. Jumlah pengundi bagi kawasan itu ialah sebanyak 11,191 orang.

Pecahan pengundi mengikut kaum ialah Melayu sebanyak 6,325 orang (56.5 peratus), Cina 3,476 orang (31 peratus), India 1,316 orang (11.7 peratus) dan lain-lain 74 orang.

Pada pilihan raya umum tahun lepas, calon BN Datuk Arunasalam mendapat 6,396 undi mengalahkan calon Semangat 46, Khairuddin Abdullah yang hanya mendapat 1,674 undi.

Pilihan raya kecil itu diadakan selepas kematian Arunasalam dalam kemalangan jalan raya di Petaling Jaya pada 28 April lalu.

Pilihan raya kecil itu mulanya dijadual pada 3 Jun tetapi ditangguh selepas kematian calon PAS Haji Abdullah Lasim sebelum hari pengundian.

Pada penamaan semula 12 Jun lepas, dua calon bebas yang telah mendaftar sebelum itu, J. Appalasaamy, 37 dan Lau Kim Heng, 45 memohon menarik diri.

Sementara itu, lebih 1,000 penyokong BN yang berada di pusat berkenaan menyambut pengumuman itu dengan tepuk sorak sebelum sekumpulan penyokong menjulang Raghavan dan Mohd Zin bagi meraikan kemenangan.

Calon PAS, Minghat yang juga Timbalan Pesuruhjaya PAS negeri dan Loh tidak berada di pusat berkenaan.

Proses penjumlahan undi dan perjalanan pengundian di 10 buah pusat pengundian yang dibuka antara lapan pagi dan 5.30 petang hari ini berjalan lancar. SPR menyediakan sebanyak 157 pegawai bagi mengendalikan pilihan raya kecil itu.

Mohd Zin semasa ditemui pemberita berkata keputusan pilihan raya kecil itu membuktikan sekali lagi sokongan rakyat yang padu kepada kerajaan BN dan dasar perjuangannya di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pengundi jelas membuktikan kematangan dalam membuat penilaian mereka dengan menolak parti pembangkang dan perjuangan sempit berasaskan fanatik agama dan perkauman," katanya.

Kempen dan ceramah oleh PAS dan DAP yang menimbulkan banyak tohmahan dan dakwaan tidak berasas terhadap BN dan kerajaan tidak mendapat tempat di kalangan pengundi, tambahnya.

Mohd Zin juga mengucapkan terima kasih kepada pengundi yang memberi sokongan kepada BN sambil melahirkan keyakinan bahawa Raghavan akan memberikan khidmat dan sumbangan yang baik kepada rakyat berbekalkan pengalamannya yang luas dalam politik dan kegiatan kemasyarakatan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohd Ali Rustam, Timbalan Menteri Pendidikan yang juga Anggota Parlimen Selandar Datuk Dr Fong Chan Onn dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamad Isa Abdul

Samad.

-- BERNAMA
MOZ RON